



13 Februari 2015
13 February 2015
P.U. (B) 39

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD NEGATIF
PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI
IMPORT GEGELUNG GULUNGAN PANAS YANG BERASAL
ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK KOREA**

***NOTICE OF NEGATIVE FINAL DETERMINATION OF AN
ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH REGARD TO
THE IMPORTS OF HOT ROLLED COILS ORIGINATING OR
EXPORTED FROM THE REPUBLIC OF KOREA***



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD NEGATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN
MENGENAI IMPORT GEGELUNG GULUNGAN PANAS YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI REPUBLIK KOREA

(AD 02/14)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 25(3)(c) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 15 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan telah membuat suatu penentuan muktamad di bawah subseksyen 25(1) Akta bahawa tiada margin lambakan wujud mengenai dagangan subjek yang berasal atau diekспорт dari Republik Korea ke dalam Malaysia (“dagangan subjek itu”) seperti yang berikut:

- (a) keluaran gulungan rata aloi (selain besi tahan karat) dan bukan aloi, gegelung gulungan panas yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.36 000, 7208.37 000, 7208.38 000, 7208.39 200, 7208.39 900, 7225.30 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.36.00 00, 7208.37.00 00, 7208.38.00 00, 7208.39.00 20, 7208.39.00 90, 7225.30.90 00;
- (b) keluaran gulungan rata bukan aloi, gegelung gulungan panas dengan corak sebagai ganti yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.10 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.10.00 00; dan
- (c) keluaran gulungan rata bukan aloi, gegelung gulungan panas, dijeruk, yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.25 000, 7208.26 000, 7208.27 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.25.00 00, 7208.26.00 00, 7208.27.10 00, 7208.27.90 00.

Sebab bagi penentuan muktamad negatif

2. Sebab bagi penentuan muktamad negatif adalah kerana jumlah import dagangan subjek adalah pada tahap sedikit sahaja.